

08 MAY 1999

Abdullah-Ekonomi

MALAYSIA TIDAK TUNGGU PUJIAN BAGI USAHA PULIH EKONOMI

PULAU PINANG, 8 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia tidak menunggu pujian daripada badan-badan dunia kerana kejayaan pendekatan yang digunakannya dalam memulihkan ekonomi negara.

Bagaimanapun, Malaysia gembira apabila badan-badan seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia mula mengakui dan memberi komen menggalakkan terhadap pendekatan yang digunakan oleh negara ini dalam menangani masalah kegawatan ekonomi, katanya.

"Sekarang kita mula mendengar komen yang menggalakkan mengenai perkara itu daripada pihak-pihak yang dulunya mengutuk dan mencemuh langkah pragmatik yang diambil oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya pada majlis makan malam ke-75 Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Pulau Pinang (MICCI) di sini, malam tadi.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Presiden Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia, Senator Datuk V.K.K. Teagarajan dan Presiden MICCI Datuk Markend D. Joshi.

Abdullah berkata, apa yang lebih membanggakan ialah IMF mengakui pendekatan Malaysia itu membawa kejayaan dan perlu dijadikan contoh kepada negara-negara lain yang turut menghadapi masalah kegawatan ekonomi.

Negara berjaya membuktikan bahawa langkah-langkah pemulihan ekonomi tanpa bergantung kepada Bank Dunia dan IMF itu telah mendatangkan hasil yang menggalakkan.

"Kita berjaya buktikan kepada mereka bahawa tuduhan dan cemuhan itu tidak benar. Kita juga berjaya buktikan kejayaan itu adalah hasil daripada keyakinan dan kerjasama rakyat serta ketekunan pengurusan kerajaan melaksanakan dasar-dasar yang ditetapkan," jelas beliau.

Beliau berkata, lebihan dagangan yang meningkat lebih RM55 bilion dan peningkatan simpanan negara kepada AS\$29.2 bilion ketika ini membuktikan kejayaan besar negara dalam menangani masalah kegawatan itu.

-- BERNAMA

SA PR